

Penulisan Karya Melayu Islam Klasik Abad Ke-17: Perbincangan Karya-Karya Terpilih (17th Century Classical Islamic Malay Writing: A Discussion of Selected Books)

Mohd Puaad Abdul Malik* & Faisal @ Ahmad Faisal Abdul Hamid**

Abstrak

Artikel ini membincangkan penglibatan ulama Melayu dalam penghasilan kitab-kitab agama atau juga dikenali dengan kitab kuning khususnya kitab-kitab fiqh pada abad ke-17. Abad ini, seperti yang dinyatakan oleh beberapa sejarawan tempatan, merupakan permulaan perkembangan kitab-kitab Melayu klasik dalam pelbagai bidang termasuk bidang agama. Perbincangan dalam artikel ini tertumpu kepada dua perkara iaitu perkembangan penulisan kitab-kitab agama, difokuskan pada kitab fiqh pada abad ke-17, manakala perkara kedua mengulas dua kitab sample yang telah ditulis pada abad ke-17 iaitu (1) kitab Sirat al-Mustaqim dan (2) kitab Mir'ah al-Tullab fi Tashil Ma'rifah Ahkam al-Shari'ah li Mulk al-Wahhab. Dari perbincangan mengenai perkara di atas, dapat disimpulkan bahawa aktiviti penulisan karya agama Melayu klasik berkembang seiring dengan aktiviti penulisan dalam bidang lain termasuk bidang sastera, tasawuf, sejarah dan al-Quran dan perubatan Islam.

Kata kunci: Penulisan Islam, Karya Ulama Melayu, Karya Fiqh, Abad ke-17

Abstract

This article discusses the involvement of Malay ulama in the production of religious books or also known as kitab kuning, especially fiqh books in the 17th century. This century, as stated by some local historians, is the beginning of the development of classical Malay books in various fields including religion. The discussion in this article is focused on two things namely the development of writing religious books, focused on fiqh books in the 17th century, while the second case reviews two sample books that have been written in the 17th century namely (1) the Sirat al-Mustaqim and (2) the Mir'ah al-Tullab fi Tashil Ma'rifah Ahkam al-Shari'ah li Mulk al-Wahhab. From the discussion of the above, it can be concluded that the activity of writing classical Malay religious works developed along with the activity of writing in other fields including the fields of Malay literature, Sufism, Malay and Islamic history, Quran and Islamic medicine.

Keywords: Islamic Writing, Books of Malay Scholar, Malay Jurisprudence, 17th Century

Pendahuluan

Terdapat banyak karya Melayu klasik dalam bentuk manuskrip sama ada telah dicetak atau masih belum dicetak, memperlihatkan keaktifan para ulama Melayu menulis dan menghasilkan karya tulis dalam pelbagai bidang khususnya bidang agama. Ianya juga membuktikan alam Melayu merupakan pusat intelektual Melayu Islam sejak sekian lama. Lazimnya keberadaan manuskrip dalam bahasa tertentu atau sesuatu bangsa dijadikan asas pengukuran untuk menilai pencapaian dan pemikiran sesebuah kaum, termasuklah untuk mengukur pencapaian bangsa Melayu. Kedatangan Islam ke Alam Melayu menjadi penyumbang utama kepada kegiatan penulisan karya berbahasa Melayu khususnya berkaitan agama. Selain dari membuka dimensi baru dalam berkarya, Islam juga memberi budaya baru membina sebuah tamadun. Selain belajar dan mengajar, menulis juga menjadi sebahagian dari maksud keterlibatan seseorang itu dengan pangajian agama. Ini kerana, kegiatan penulisan memberi gambaran kebijaksanaan ilmuwan mengungkapkan makna dan idea pemikiran dalam pelbagai disiplin ilmu. Sama ada, identifikasi penulisan bersifat teoritikal seperti disiplin teologi atau bersifat praktikal bersesuaian dengan kehidupan manusia seperti ilmu fiqh dan tasawuf.

* Mohd Puaad Abdul Malik (PhD), Lecturer, Department of Islamic Education and Moral, Institute of Teacher Education (IPG), International Language Campus, Kuala Lumpur, Malaysia. Email: abdulpuaad@yahoo.com.

** Faisal @ Ahmad Faisal Abdul Hamid (corresponding author) (PhD), Associate Professor, Department of Islamic History and Civilization, Academy of Islamic Studies, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia. Email: faisal@um.edu.my.

Menurut Abdul Kadir Muhammad, sejarah penulisan fiqh di alam Melayu terbahagi kepada beberapa tahap perkembangan. Antaranya, penulisan awal hukum Islam, penulisan hukum Islam pada abad ke-19 dan penulisan hukum Islam abad ke-20. Sebelum abad ke-16, sejarah perkembangan penulisan fiqh di Alam Melayu masih kabur dan tidak dapat dipastikan secara jelas. Jika kembali kepada peringkat awal dakwah Islam di alam Melayu, tidak wujud sesi pengajian fiqh secara formal dengan menggunakan corak pengajaran secara sistematik menggunakan kitab-kitab fiqh. Para pendakwah yang menyebarkan Islam, mereka memfokuskan ajaran dan amalan ibadat asas seperti solat dan puasa sebagai tuntutan masyarakat Melayu yang baharu memeluk Islam. Penghayatan kefahaman ibadat merangkumi ilmu fardu ain, bersuci, solat, berwuduk sebagai asas ajaran agama Islam.

Karya Melayu Klasik

Dalam pengamalan ajaran Islam, masyarakat Melayu tidak mempunyai rujukan kitab fiqh khusus, sebaliknya amalan mereka berpandukan kepada amalan praktikal yang dilakukan oleh golongan ulama dan pendakwah. Oleh itu, sebarang bentuk urusan yang melibatkan sosiologi hukum fiqh seperti pernikahan dipimpin oleh golongan ilmuwan yang memahami selok belok agama. Dalam tempoh ini, bahan-bahan penulisan yang digunakan berasaskan sumber manuskrip Arab yang dibawa dari negara Arab atau negara Islam lain seperti India. Situasi ini tidak bermakna pengajian ilmu fiqh telah diabaikan dan tidak diberi keutamaan. Sebaliknya, ada kemungkinan ilmu yang dipelajari ketika itu hanya dicatat dan ditulis sebagai bahan hafalan agama dan tidak dibukukan secara rasmi untuk tatapan umum. Ini bermakna, sebelum abad ke-17 tiada konstruk pengajaran ilmu fiqh secara sistematik. Fokus pembelajaran secara tidak formal melalui hafalan dan lisan, tulisan tidak lengkap dan tidak disusun dalam bentuk karya penulisan. Ini juga kerana sistem pengajian pada masa itu terikat dengan kaedah tаддан kitab yang hanya dibaca kurang memotivasi kegiatan penulisan.

Selain itu, tradisi penulisan terpengaruh dengan sastera lisan klasik yang hanya dinukilkan dan diceritakan dari mulut ke mulut secara turun-temurun. Ini dapat dilihat, tradisi intelektual klasik Melayu bermula dengan tradisi lisan diikuti tulisan dan cetakan. Ini menjadikan tradisi penulisan yang dibukukan agak terhad, pada perkembangan seterusnya perkembangan penulisan intelektual berkembang mengikut perkembangan masa dan zaman dari pengajaran kitab-kitab bahasa Arab kepada penulisan dan penghasilan karya terjemahan, saduran atau asli dalam bahasa Melayu secara lengkap. Dengan perkembangan itu, kegiatan penulisan memberi gambaran bahawa ilmuwan Melayu telah memainkan peranan signifikan dalam perkembangan ilmu agama sehingga menjadi rujukan kepada masyarakat di Alam Melayu.¹

Metode dan Objektif

Berpindah pula kepada *metodologi kajian*, artikel ini merupakan sebuah kajian berdasarkan pendekatan kualitatif.² Data dan maklumat yang diperolehi diproses secara kualitatif mengikut tema khusus, iaitu penulisan karya fiqh Melayu abad ke-17. Data-data berkaitan diperolehi dari perpustakaan utama di Malaysia dan Indonesia sama ada dengan lawatan sendiri atau melalui pinjaman buku secara online. Beberapa mansukrip dan buku juga dipinjam dari website yang berautoriti seperti repositori universiti Lieden, British Library, London dan repositori Universiti Um al-Qurra Mekah. Pemerolehan karya-karya fiqh Melayu klasik juga dilakukan dibeberapa lokasi penyimpanan manuskrip Melayu seperti di Muzium Negara dan repositori Muzium Aceh. Usaha pengesanan karya fiqh Melayu dijalankan menerusi kaedah kepustakaan.

Sementara itu, metode analisis dokumen merupakan analisis berdasarkan kajian perpustakaan. Metode analisis dokumen digunakan pada dua karya yang dibincang. Ianya boleh dibahagikan kepada dua sumber. Pertama, sumber premier seperti karya manuskrip fiqh Melayu abad ke-17. Selain itu, pengesanan juga dilakukan melalui rekod sejarah Melayu, fragmen dan karya fiqh Melayu pada tahun dan abad yang dikaji. Kedua, sumber sekunder seperti penulisan ilmiah seperti buku, tesis, disertasi, artikel jurnal, kitab, rencana, kertas kerja dan maklumat individu terhadap subjek kajian. Setelah

¹ Abdul Hadi W. M. (2006), "Islam di Indonesia dan Transformasi Budaya," dalam Komaruddin Hidayat dan Ahmad Gaus A. F. (ed.), *Menjadi Indonesia: 13 Abad Eksistensi Islam di Bumi Alam Melayu*, Jakarta: Mizan, h. 470-471.

² Penyelidikan kualitatif adalah penemuan yang tidak dapat dicapai dengan menggunakan prosedur statistik atau dengan cara kuantifikasi. Kaedah penyelidikan digunakan untuk meneliti kehidupan masyarakat, sejarah, tingkah laku, fungsionalisasi organisasi, pergerakan sosial atau hubungan kekerabatan; Lexy J. Moeliong (1993), *Metodologi Penelitian Kualitatif*, Bandung: Karya Cv, h. 1-3; Basrowi Sukidin (2002), *Metode Penelitian Kualitatif Perseptif Mikro*, Surabaya: Insan Cendekia, h. 1.

memperolehi data-data yang mencukupi dengan mengaplikasikan metode pengumpulan data, pengkaji menganalisis secara terarah maklumat tersebut dengan metode analisis kandungan.

Metode analisis kandungan diaplikasikan dalam penelitian karya fiqh Melayu dengan merujuk kepada karya fiqh Melayu versi penulisan karya manuskrip dan edisi cetakan. Kesemua bahan tersebut dianalisis melalui induksi sejarah intelektual dan tipologi penulisan. Sementara itu, dua karya fiqh Melayu klasik abad ke-17 dianalisis dan merungkai sejarah intelektual penulisan melalui induksi perkembangan penulisan.

Adapun *objektif tulisan* ini secara ringkasnya bertujuan membincangkan corak perkembangan dan penulisan karya fiqh di abad yang lalu, iaitu abad ke-17. Perbincangan perkembangan dan penulisan karya fiqh dibincangkan dalam dua aspek, pertama aspek sejarah perkembangannya secara umum manakala aspek kedua pula adalah analisis penulisan beberapa karya sample untuk melihat secara dekat bentuk karya yang dihasilkan dalam abad berkenaan. Dengan menggunakan dua pendekatan tersebut diharap dapat memberi gambaran yang jelas dan kukuh terhadap penulisan karya fiqh pada abad yang dibincangkan.

Penulisan Karya Melayu Klasik Abad Ke-17

Pada abad ke-17 tradisi penulisan fiqh Melayu mula berkembang di Aceh dan kawasan sekitarnya.³ Penghasilan karya pada abad ke-17 agak menjarak antara satu sama lain kerana ianya di zaman permulaan, sebagai contoh, jarak antara karya *Sirat al-Mustaqim* (1644 M) dengan karya *Mir'ah al-Tullab* (1672 M) adalah selang 28 tahun. Perbezaan tempoh masa yang panjang untuk menghasilkan penulisan karya fiqh Melayu yang kedua selepas *Sirat al-Mustaqim*. Pada hemat saya, tempoh masa yang lama ini melambatkan proses perkembangan intelektual penulisan fiqh Melayu pada abad ke-17. Walaupun begitu, pastinya terdapat beberapa faktor yang mendorong kepada kelewatannya, antaranya fokus kerajaan dan masyarakat lebih tertumpu kepada isu berkaitan dengan akidah dan sufi. Apa yang nyata dari karya-karya tersebut adalah adalah penulisnya dari ulama Aceh.⁴

Meskipun abad ini dikatakan abad perkembangan intelektual⁵ Melayu di Aceh, namun proses penulisannya tidak berkembang selayak nama zaman kegemilangannya. Situasi ini disebabkan oleh bentuk penyebaran ajaran Islam di Aceh yang dikatakan para pendakwahnya adalah terdiri dari ahli sufi. Dalam historiografi tradisional, raja dan negara dilihat dari pendekatan sufistik, bukan dari sudut pandang fiqh atau syariat. Para ahli sejarah hampir sepakat mengatakan Islam yang datang ke Alam Melayu abad ke-13⁶ bercorak sufistik.⁷ Pelbagai amalan tarekat diamalkan oleh masyarakat Aceh antaranya, tarekat Qadiriyah.⁸ Malah, Sultan-sultan di Aceh sangat kuat berpegang kepada amalan tasawuf. Maka tidak hairanlah ajaran tasawuf menjadi ajaran yang lebih dominan dan berjaya berkembang dalam amalan beragama di Aceh. Maka, fokus kegiatan penulisan lebih tertumpu kepada

³ Kedatangan Islam di Aceh membentuk kerajaan Islam pertama di Asia Tenggara dan kerajaan yang muncul dari jaringan transmisi ajaran Islam di Alam Melayu. Kerajaan Aceh juga telah mempengaruhi kerajaan-kerajaan wilayah pesisir Timur dan Barat Aceh (Sumatra) seperti Pedir, Pasai, Perlak, Aru, Dili dan Tanah Melayu hingga sampai kepada penyatuannya kerajaan Pasai dalam kerajaan Aceh.

⁴ Aceh merupakan sebuah kerajaan Islam di Alam Melayu sejak kejatuhan Melaka 1511M. Islam mula bertapak dibumi Aceh pada akhir abad pertama Hijrah. Aceh memainkan peranan sebagai wilayah yang memberikan sumbangan besar terhadap perkembangan dan kemajuan tamadun Islam di Alam Melayu. Mahdalena Nasrun (2012), "Fikih Melayu Alam Melayu Era Pra Kolonial," *Jurnal Ijtihad: Jurnal Wacana Hukum Islam dan Kemanusiaan*, Jil. 12, h. 100. Keberadaan kelompok ulama di Aceh sehingga dikenali sebagai pusat penyebaran ilmu yang terkenal selepas kejatuhan Melaka.

⁵ Abad ke-16 hingga ke-18 dianggap era kegemilangan perkembangan intelektual di Alam Melayu; Rahimin Affandi Abd. Rahim, Siti Maimunah Kahal dan Muhammad Yusri Yusof (2016), "Fiqh Versi Alam Melayu: Satu Analisis Sejarah," *Jurnal Fiqh*, Jil. 13, h. 141.

⁶ Semenjak abad ke-13 Alam Melayu dikunjungi oleh ulama sufi yang menyebarluaskan Islam dan banyak menghasilkan penulisan karya-karya tasawuf; Azumardi Azra (1995), *Jaringan Ulama Timur Tengah dan Kepulauan Nusantara abad XVII dan XVIII*, Bandung: Penerbit Mizan, h. 32.

⁷ A. H. Johns (1961), "The Role of Sufism in the Spread of Islam in the Malaya and Indonesia" *Journal of the Pakistan Historical Society*, Jil. 9, h. 143-161; A. H. Johns (1961), "Sufism as a Category in Indonesian Literature and History" *Journal of Southeast Asian History*, Jil. 2, Bil. 2, h. 10-23.

⁸ Marzuki (2017), "Tarekat Qadiriyah Naqsyabandiyah Suryalaya: Penyebaran dan Pengaruhnya di Aceh," *NIZHAM Journal of Islamic Studies*, Jil. 1, Bil. 1, h. 110-124; Sifa Sasmanda (2018), "Sejarah Perkembangan dan Pemikiran Tasawuf di Aceh pada Abad ke-16M," *KALPATARU Jurnal Sejarah dan Pembelajaran Sejarah*, Jil. 2, h. 73-76.

ilmu tasawuf dan akidah berbanding fiqh.⁹ Ini berdasarkan keberadaan karya tasawuf¹⁰ dan tauhid¹¹ yang tersebar di abad awal penulisan karya-karya agama di Alam Melayu. Oleh itu, aspek penulisan dan penghasilan karya fiqh kurang diberikan perhatian khusus untuk ditulis dan dibukukan. Selain itu, bentuk pengajian yang disampaikan secara lisan kepada masyarakat Melayu menjadi faktor kepada kurangnya keperluan kepada penulisan sebuah karya fiqh yang tersendiri. Selain itu, keterbatasan fuqaha Melayu menulis karya fiqh disebabkan faktorkekangan mendapatkan sumber dan bahan penulisan.¹² Ini kerana, bidang penulisan hanya dipelopori oleh golongan istana dan bangsawan yang mampu untuk mendapatkan bahan-bahan penulisan yang kebanyakannya mereka pada ketika itu lebih cenderung kepada pengajian sufistik.

Dalam menganalisis perkembangan penulisan karya fiqh Melayu klasik abad ke-17, penelitian latar lokasi dan corak perkembangan fiqh dianggap relevan dengan zamannya. Aceh dianggap wilayah yang terawal menjalankan hubungan intelektual keagamaan¹³ dengan pusat tamadun Islam di Timur Tengah khususnya Mekah dan Madinah. Ia merupakan lokasi persinggahan terpenting para jamaah Alam Melayu dalam perjalanan pergi dan balik dari bumi Haramayn.¹⁴ Maka, pengaruh Islamisasi secara tidak langsung membantu perkembangan penulisan fiqh Melayu di Aceh. Ini terbukti dengan penghasilan dan keberadaan penulisan dan naskhah kuno¹⁵ di sekitar Aceh yang ditulis oleh ulama Melayu dalam pelbagai disiplin ilmu.¹⁶ Menurut Mursyid, penulisan terawal di Aceh karya *al-Hadi al-Muhtaj fi Sharh al-Minhaj*.¹⁷ Ia ditulis oleh Imam Abi Qasim Imam al-Din ‘Abd al-Karim ar-Rafi’e pada tahun 1610 M. Kemunculan karya *al-Hadi al-Muhtaj fi Sharh al-Minhaj* membawa kesan dan pengaruh kepada corak penulisan fiqh di sekitar Aceh.

Sementara itu, menurut Dwi Laili Sukmawati terdapat beberapa naskhah fiqh berkaitan hukum Islam yang ditulis di Madura satu daerah di Jawa Timur. Manakala, menurut Ali Rosdin terdapat sekitar 340 buah naskhah terdapat dalam pernaskahan Buton, Pulau Sulawesi di kawasan timur Indonesia. Ini termasuklah, naskhah-naskhah hukum yang membentuk penulisan fiqh. Tradisi pernaskahan di Buton berlangsung seiring dengan perkembangan Islam pada masa itu, aktivitinya kian memuncak pada masa pemerintahan Sultan La Ode Muhammad Idrus Kaimuddin 1824M-1851M. Kegiatan penulisan naskhah di Buton berkembang pesat semasa pemerintahan Sultan Muhammad Idrus Kaimuddin yang dikenali sebagai Sultan dan ulama besar Buton.¹⁸ Selain itu, Kesultanan Banten juga merupakan pusat keilmuan yang terkenal di Alam Melayu dengan kehadiran begitu ramai penuntut ilmu ke Banten. Sultan Banten sendiri terlibat dalam pelbagai kegiatan wacana keilmuan. Sebagai contoh, Sultan Abdul Qadir 1626M-1657M mengajukan beberapa keterangan tentang karya *al-Ghazli Nasihah al-Muluk* (saranan untuk penguasa). Pertanyaan tersebut dibawa ke Mekah oleh delegasi khusus pada tahun 1638M dan diajukan kepada Syeikh Muhammad bin ‘Ali Ibn ‘Alan al-Siddiqi 1588M-1647M ulama

⁹ Shah Rul Anuar Nordin (2014), “Impak Dakwah Kitab Taj al-Salatin kepada Masyarakat Melayu di Aceh,” Makalah, Seminar Antarabangsa Dakwah dan Etnik, Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 3.

¹⁰ *Sayr as-Salikin* MSS 324, Pusat Manuskip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia Kuala Lumpur; *Bidayah al-Hidayah* MSS 566, Pusat Manuskip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia Kuala Lumpur; *Hidayah as-Salikin* MS 464, Pusat Manuskip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia Kuala Lumpur.

¹¹ *Tuhfah al-Raghabin* MS 5, Pusat Manuskip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia Kuala Lumpur; *Tuhfah al-Raghabin fi Bayan Haqiqah Iman al-Mu’mín*, cet. akhir (1939), Mesir: Maktabah Mustafa al-Babi al-Halabi wa Awladuhu; *Aqidah al-‘Awam* MSS 2809, Pusat Manuskip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia Kuala Lumpur; Karya *Dur al-Manzum; Siraj al-Huda ila Bayan ‘Aqa’id Ahl at-Taqwá* MSS 749, Pusat Manuskip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia Kuala Lumpur; A. Samad Ahmad (1996), *Sulalatus Salatin-Sejarah Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 58. Karya akidah yang diperkenalkan *al-‘Aqa’id al-Nasafi*, Syed Muhammad Naquib al-Attas (1988), *The Oldest Known Malay Manuscript: A 16th Century Malay Translation of the al-‘Aqa’id of al-Nasafi*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, h. 8.

¹² Suasana masyarakat Aceh sangat memerlukan bahan rujukan agama berbahasa Melayu menjadikan mereka faham urusan agama. Zulkifli Mohd Yusoff dan Wan Nasryudin Wan Abdullah (2005), “Tarjuman al-Mustafid: Satu Analisis Terhadap Karya Terjemahan,” *Jurnal Pengajian Melayu*, Jil. 16, h. 157.

¹³ Abdullah Ishak (1992), *Islam di Nusantara Khususnya di Tanah Melayu*, Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, h. 116-117.

¹⁴ Ali Mohammad (2009), “Peranan Ulama dalam Memartabatkan Tamadun Islam di Alam Melayu: Tumpuan Terhadap Abdul Rauf Singkel,” *Jurnal Al-Tamaddun*, Jil. 4, h. 82.

¹⁵ Naskah adalah koleksi tulisan tangan yang belum dicetak atau diterbitkan.

¹⁶ Tradisi penyalinan karya-karya naskhah telah lama direkodkan di Aceh dan Alam Melayu. Ajidar Matsyah (2013), “Jaringan Ulama-Ulama Melayu dalam Manuskip,” Makalah, Seminar Serantau Kajian Manuskip Melayu dan Kearifan Tempatan, Banda Aceh, h. 18.

¹⁷ Dari skop bahasa, karya mengupas berbagai persoalan fiqh seperti; bersuci, solat, zakat, puasa, haji, pernikahan dan persoalan muamalah berdasarkan pendekatan penulisan fiqh Mazhab Syafie. Mursyid (2011), “Corak Fiqh di Aceh Pada Masa Kerajaan (Kajian Atas Naskah al-Hadi al-Muhtaj fi Sharh al-Minhaj Karya Imam Abi Qasim Imamuddin Abdul Karim ar-Rafi’e),” *al-Qalam*, Jil. 17, Bil. 1, h. 105.

¹⁸ Ali Rosdin (2015), “Buton dan Tradisi Pernaskahan,” *International Journal of the Malay World and Civilisation (Iman)*, Jil. 3, Bil. 1, h. 51-53.

Penulisan Karya Melayu Islam Klasik Abad Ke-17: Perbincangan Karya-Karya Terpilih terkemuka Haramayn.¹⁹ Kesan jaringan dan hubungan lokaliti tempatan yang berkembang di kawasan sekitar Aceh membawa perkembangan kegiatan penulisan intelektual fiqh Melayu abad ke-17.

Analisis Karya Melayu Klasik Abad ke-17

Karya penulisan fiqh Melayu merupakan refleksi perkembangan intelektual keilmuan Islam di dunia Melayu. Adakala, dalam keadaan tertentu penulisan dapat menjelaskan perkembangan sejarah intelektual sosial Islam.²⁰ Dalam catatan sejarah, dinamisme perkembangan ilmu Islam di Alam Melayu telah berlaku sebelum atau selewatnya abad ke-16 lagi. Dalam menjelaskan sejarah intelektual penulisan fiqh Melayu abad ke-17 dipilih dua penulisan karya fiqh Melayu klasik masyhur.²¹ Apa yang pasti, kedua-dua karya ini mempunyai pengaruh²² dan sumbangan besar dalam penulisan karya fiqh Melayu klasik.²³ Kedua-duanya dianggap karya fiqh Melayu klasik yang tertua muncul di Aceh.²⁴ Oleh itu, sejarah penulisan karya fiqh Melayu klasik difokuskan kepada karya masyhur yang terpilih di tempat dan lokasi yang berbeza.²⁵

Karya penulisan fiqh Melayu memainkan peranan signifikan dalam perkembangan disiplin keilmuan Islam di Alam Melayu. Dari hasil penulisan itu, kita dapat memahami pendekatan penulisan dan gagasan pemikiran fuqaha Melayu pada tiga abad awal.²⁶ Ia merangkumi pendekatan penulisan, rujukan, struktur, metode, gaya, bahasa dan manhaj penulisan. Hasil penelitian, dalam perkembangan penulisan karya fiqh Melayu terdapat dua gambaran awal yang boleh dinyatakan. Pertama, penulisan karya fiqh dalam bentuk karya terjemahan dari karya asal bahasa Arab kemudian berbentuk saringan sehingga kepada penghasilan karya.²⁷ Kedua, karya fiqh yang digunakan pada peringkat awal penulisan. Penggunaannya digunakan secara meluas dalam proses pengajaran dan pembelajaran ilmu di Alam Melayu. Ini kerana, pada abad awal wujud keterbatasan masyarakat Melayu untuk mendapatkan karya-karya bercetak.²⁸ Oleh itu, landskap kegiatan penulisan ilmu membina kefahaman pengamalan ibadat, legasi pemikiran intelektual dan sosiologi hukum.²⁹ Hasilnya, tradisi perkembangan penulisan karya fiqh Melayu memberi kesan dan impak besar dalam kehidupan masyarakat Melayu.

Kebanyakan bentuk penulisan karya fiqh Melayu juga terkesan dengan bentuk penulisan fuqaha Mazhab Syafie. Maksud bentuk penulisan, subjek yang hanya ditulis tanpa ada perbincangan khusus dan komprehensif. Rasional artikel ini ditulis untuk membentangkan bentuk penulisan bagi mengenal pasti pola dan kepelbagaian bentuk penulisan seperti fiqh, usul fiqh, *qias*, ‘uruf, sejarah, akidah, sirah, tafsir. Begitu juga, dalam pendekatan kepelbagaian kaedah penyataan sumber rujukan yang selari dengan konteks penulisan yang mempunyai ciri saduran dan terjemahan. Ia juga platform menilai kepelbagaian maklumat berkaitan penulisan dan terjemahan teks mengikut pendekatan penulisan fiqh Melayu.

Bentuk penulisan membuktikan pemikiran fuqaha Melayu menjadi pengukur bagi mengenal pasti intipati idealisme bersifat kekal, terkehadapan dan mendahului zamannya. Selain mempunyai paradigma keilmuan yang tinggi dalam pemikiran hukum, fuqaha Melayu kekal konsisten berinteraksi dengan nas dalam mana-mana situasi melibatkan persoalan hukum Islam. Oleh itu, bentuk penulisan dan kaedah penyataan rujukan dibentangkan bagi mendekati pelbagai aspek penulisan.

¹⁹ Oman Fathurahman (2004), “Jaringan Ulama: Pembaharuan dan Rekonsiliasi dalam Tradisi Intelektual Islam di Dunia Melayu-Indonesia,” *STUDIA ISLAMICA Journal for Islamic Studies*, Jil. 11, Bil. 2, h. 371.

²⁰ Azymardi Azra (1999), *Pendidikan Islam: Tradisi dan Modernisasi Menuju Milenium Baharu*, Jakarta: Logos Wacana Ilmu, h. 116.

²¹ Meskipun terdapat karya fiqh Melayu masyhur yang lain namun pengkaji menemui jalan sukar untuk melihat dan mendapatkannya secara fizikal antaranya karya berada pada individu yang tidak dikenali.

²² Karya ulama Aceh mendapat perhatian tinggi untuk dijadikan kajian ilmiah dari pelbagai demensi keilmuan. Erawadi (2011), *Tradisi, Wacana dan Dinamika Intelektual Islam Aceh Abad XVIII dan XIX*, Jakarta: Kementerian Agama RI, Badan Litbang dan Diklat Puslitbang Lektor Keagamaan, h. 2-11.

²³ Sambutan karya penulisan sangat hebat dan digunakan secara meluas di Aceh dan pelosok Alam Melayu sehingga abad ke-19. Shafie Abu Bakar (1997), *Tokoh-Tokoh Penulis Islam Alam Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 573.

²⁴ Mohd Puaad Abdul Malik, Faisal @ Ahmad Faisal Abdul Hamid and Rahimin Affandi Abd. Rahim (2018), “Analisis Penulisan Karya Fiqh Melayu 1600-1800,” *Jurnal al-Muqaddimah*, Jil. 6, Bil. 2, h. 71-89.

²⁵ Sejarah penulisan berkembang dalam pelbagai tamadun manusia di tempat yang berbeza. Begitu juga, dalam historiografi Melayu penelitian penulisan karya fiqh Melayu di lokasi yang berbeza di Aceh, Tanah Melayu dan Patani.

²⁶ Tiga abad awal perkembangan karya fiqh Melayu, abad ke-17, 18 dan ke-19.

²⁷ Fauzi bin Deraman dan Norhasnira bt Ibrahim (2009), “Metodologi Tuan Tabal dalam Kitab Minhah al-Qarib,” *Jurnal Jaheak*, Jil. 2, h. 135.

²⁸ Rahim Abdullah (1983), “Pelajaran Pondok di Kelantan” dalam Khoo Kay Kim (ed.), *Beberapa Aspek Warisan Kelantan II*, Kota Bharu: Perbadanan Muzeum Negeri, h. 3.

²⁹ Muhammad Mustaqim Mohd Zarif (2012), “MSS2761B (Hadith Arba’in): Analisis dan Transliterasi Sebuah Teks Hadis Abad Ke-17 Masihi,” *Jurnal Filologi Melayu*, Jil. 19, h. 9-10.

Penulisan Kitab *Sirat al-Mustaqim* (1644 M)

Perkembangan urutan penyenaraian sejarah intelektual penulisan fiqh Melayu abad ke-17 bermula dengan penulisan karya *Sirat al-Mustaqim*³⁰ pada tahun 1644M. Ia ditulis oleh Syeikh Nuruddin al-Raniri dalam bahasa Melayu tulisan Jawi.³¹ Kandungan penulisan mengandungi 445 halaman³² memfokuskan perbincangan *rubu'* ibadat yang mengandungi 7 *kitab*, 21 *bab* dan 90 *fasl*.³³ Dalam struktur penulisan, tajuk, subjek dan perbincangan disusun dengan format penulisan yang memudahkan masyarakat Melayu mempelajarinya. Meskipun penulisan subjek ibadatnya tidak meliputi kesemua subjek dan topik ilmu fiqh. Kemunculan karya *Sirat al-Mustaqim* dianggap karya rintis fiqh ibadat Melayu pertama dan menjadi rujukan khusus dalam pengajian fiqh masyarakat Aceh malah digunakan secara meluas di rantau Alam Melayu.³⁴

Hasil carian, di Pusat Manuskrip Melayu Kuala Lumpur, terdapat pelbagai versi penulisan *Sirat al-Mustaqim* berdasarkan perbezaan penyalinan.³⁵ Hasil penelitian, karya *Sirat al-Mustaqim* antara karya fiqh Melayu klasik yang paling banyak disalin dan disunting dalam versi penulisan manuskrip fiqh Melayu. Ada kemungkinan, terdapat permintaan yang tinggi dalam masyarakat Melayu kerana ia merupakan penulisan ibadat khusus. Kemasyhurannya sebagai karya penulisan fiqh ibadat Melayu pertama memberi pengaruh³⁶ luar biasa di rantau dunia Melayu.³⁷ Oleh itu, ini menjadikan penyalinan dan pengedarannya tersebar luas di pelosok Alam Melayu. Dalam sejarah perkembangan intelektual, penulisan karya *Sirat al-Mustaqim* telah banyak dikaji oleh pengkaji barat mahupun Timur.³⁸ Tidak dinafikan, hasil kajian berobjektif terdapat beberapa kelemahan yang dikesan dalam kandungan penulisan *Sirat al-Mustaqim* seperti huraihan ringkas yang memerlukan kepada penjelasan tambahan. Kandungan penulisan bersifat terjemahan, salinan dan penulisannya terhad kepada aspek ibadat khusus sahaja. Namun begitu, pengemaskinian kandungan penulisannya dilakukan oleh fuqaha Melayu selepasnya.

Penulisan Kitab *Mir'ah al-Tullab fi Tashil Ma'rifah Ahkam al-Shari'ah li Mulk al-Wahhab* (1672 M)

Ekplorasi sejarah penulisan karya fiqh Melayu klasik abad ke-17 dikembangkan dengan penulisan karya *Mir'ah al-Tullab fi Tashil Ma'rifah Ahkam al-Shari'ah li Mulk al-Wahhab* pada tahun 1672M.³⁹ Ia ditulis oleh Syeikh Abdul Rauf al-Fansuri⁴⁰ fuqaha Melayu yang meneruskan tradisi penulisan intelektual Alam Melayu.⁴¹ Beliau dilahirkan pada tahun 1615M di Fansur, Singkel yang terletak di

³⁰ *Sirat al-Mustaqim* MSS 144, Pusat Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia Kuala Lumpur; Pengkaji memilih versi MSS 144 kerana karya manuskrip lengkap. Menurut Najahudin Lateh manuskrip karya *Sirat al-Mustaqim* yang disimpan di Pusat Manuskrip Melayu sebanyak 79 naskhah, 29 naskhah manuskrip lengkap sementara 50 naskah lagi tidak lengkap. Najahudin Lateh et al. (2013), “Tematic Emas dalam Karya Fiqh Ulama Alam Melayu: Tinjauan Terhadap Kitab al-Sirat al-Mustaqim, Furuk al-Masail dan Bahr al-Madhi,” Makalah, Seminar Serantau Kajian Manuskrip Melayu dan Kearifan Tempatan, h. 65.

³¹ Azymardi (1995), *Jaringan Ulama Timur Tengah dan Kepulauan Alam Melayu*, h. 181; Che Siah Che Man (2005), “Manuskrip MS 469: Kitab Sirat al-Mustaqim, Kitab Ilmu Fiqah Pertama dalam Bahasa Jawi (Melayu),” *Jurnal Filologi Melayu*, h. 41.

³² Syeikh Nuruddin al-Raniri menyatakan pada akhir penulisan, karyanya selesai ditulis dan disempurnakan pada waktu Zohor hari Sabtu bulan Sya'ban tahun 1644M.

³³ Jamalluddin Hashim (2011), “Kitab al-Sirat Al-Mustaqim karangan Shaykh Nur Al-Din Al-Raniri (Kitab Al-Taharah dan Al-Salah): Teks dan Analisis,” Tesis Kedoktoran, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya; Che Siah (2005), “Manuskrip MS 469,” h. 41-43. Penulisan fiqh ibadat diberi keutamaan dalam abad awal pengajian hukum Islam di Alam Melayu. Bahkan, kecenderungan penulisan-penulisan dalam skop ibadat masih kekal konsisten hingga ke hari ini.

³⁴ Jamalluddin Hashim, Abdul Karim Ali dan Hasanuddin Mohd (2014), “Analisis Pengaruh Unsur Fiqh Tempatan dalam Kitab al-Sirat al-Mustaqim Karya Shaykh Nur Al-Din Al-Raniri,” *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, Jil. 1, h. 3.

³⁵ Terdapat karya *Sirat al-Mustaqim* yang lengkap dan terdapat karya yang tidak lengkap. Hasil carian pengkaji di Pusat Manuskrip Melayu; *Sirat al-Mustaqim* MS 144, MS 237, MS 469, MS 930, MS 1047, MSS 1569, MSS 2248, MSS 2352, MSS 2731, MSS 2755, MSS 2876, MSS 2896, MSS 3217, MSS 3255, MSS 3426, MSS 3500, MSS 3563, MSS 3811, MSS 3832, MSS 3906, MSS 4113, MSS 4123, MSS 4146, MSS 4147, MSS 4148, MSS 4158, MSS 4161, MSS 4170, MSS 4193, Pusat Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia Kuala Lumpur.

³⁶ Ahmad Rizal Khadapi (2017), “Tinjauan Atas Kitab al-Sirat Al-Mustaqim Karangan Syaikh Nur al-Din al-Raniri,” Disertasi Sarjana, Fakulti Ilmu Agama Islam, Universiti Islam Indonesia, Yogyakarta.

³⁷ Marzuki Abu bakar (2016), “Kitab Jawi dan Kontribusinya dalam Kajian Islam di Kepulauan Alam Melayu,” Makalah, Proceedings ARICIS-Ar-Raniry International Conference on Islamic Studies, Bil. 1, h. 438-446.

³⁸ Ahmad Rizal Khadapi, “Tinjauan atas Kitab, 2017.

³⁹ *Mir'ah al-Tullab fi Tashil Ma'rifah Ahkam al-Shari'ah li Mulk al-Wahhab* MSS 1532, Pusat Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia Kuala Lumpur.

⁴⁰ Oman Fathurrahman (1999), *Tanbih al-Mashi Menyoal Wihdatul Wujud Kasus Abdurrauf Singkel di Aceh Abad 17*, Bandung: Mizan, h. 162-163.

⁴¹ Abdul Rauf Ali al-Fansuri juga dikenali sebagai Tengku Syeikh di Kuala merupakan seorang penulis yang mengajar di Aceh pada tahun 1661M. Beliau sangat dihormati sebagai seorang yang alim dan mendapat pendidikan selama 19 tahun di luar negeri seperti di Mekah, Madinah, Jedah dan Zabid. Perpustakaan Negara Malaysia (1995), *Katalog Pameran Manuskrip Melayu Antarabangsa*, Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia Kuala Lumpur, h. 9; “Ulama-ulama Penyebar Islam di Aceh dan buah karyanya (Abad 16-17M),” diakses 4 Julai 2019, <http://jurnal-rakyat.blogspot.com/2015/11/inilah-ulama-ulama-penyebar-Islam-di.html>.

bahagian Pantai Barat, Sumatera.⁴² Karya *Mir'ah al-Tullab* ditulis atas perintah Paduka Seri Sultan Tajul Alam Sufiatussalam Riayat Syah. Hasil carian, di Pusat Manuskrip Melayu Kuala Lumpur, terdapat karya lengkap *Mir'ah al-Tullab*. Begitu juga, terdapat karya versi digital koleksi British Library⁴³ dan Singapore Library.⁴⁴ Manakala, edisi cetakan karya *Mir'ah al-Tullab* dicetak oleh percetakan *matba'ah al-Miriyyah al-Ka'inah* Mekah.⁴⁵

Karya *Mir'ah al-Tullab* merupakan karya pengantar fiqh Mazhab Syafie. Penulisannya menjadi karya pelengkap kepada karya *Sirat al-Mustaqim*. Format dan struktur penulisannya hampir menyerupai penulisan karya *Sirat al-Mustaqim* namun kandungan penulisannya berbeza. Hasil penelitian, kandungan *Mir'ah al-Tullab* mengupas fiqh ibadat dan aspek-aspek ilmu fiqh termasuk politik, sosial dan merupakan karya fiqh muamalat terawal bahasa Melayu.⁴⁶ Kandungan penulisan muamalat mencakupi hukum jual beli, riba, *khiyār*, *sharikah*, *qirād*, *sulh*, *hiwālah*, *daman*, *wakalah*, *iqrār*, *musāqah*, *lāqit* dalam skop perbincangan fiqh Mazhab Syafie.⁴⁷ Dalam sisi kajian lain,⁴⁸ penulisan *Mir'ah al-Tullab* mengandungi tiga bidang ilmu hukum Islam dan merupakan dokumentasi catatan pentadbiran undang-undang Islam di Aceh. Pertama, hukum perdagangan dan undang-undang sivil. Kedua, hukum perkahwinan dan ketiga hukum berkaitan jinayah. Kesemua skop perbincangan penulisan dihuraikan secara komprehensif mengikut kearifan tempatan masyarakat Aceh.

Sementara itu, menurut Shahrul Hilmi Othman⁴⁹ perbincangan muamalat dalam karya *Mir'ah al-Tullab* dibahagikan kepada beberapa aspek antaranya, perbahasan akad/kontrak dan pembatalan kontrak, larangan dalam muamalat seperti riba. Begitu juga, transaksi pertukaran antara individu dengan individu dalam jual beli, sewa dan upah, *mudarabah* dan *shirkah*. Begitu juga, terdapat huraian transaksi sesama manusia secara sukarela atau ihsan seperti sedekah, hibah dan pinjaman. Manakala, huraian transaksi individu dengan masyarakat dalam zakat, wakaf dan infaq. Kandungan penulisan muamalat menjadi panduan kepada masyarakat Aceh dalam amalan tranksasi muamalat. Selain itu, karya *Mir'ah al-Tullab* menjadi bahan rujukan utama dalam kalangan kadi dan mufti Mazhab Syafie di Alam Melayu. Menurut Oman Fatturahman, Syeikh Abdul Rauf al-Fansuri juga mengarang beberapa karya fiqh yang ditulis di dalam bahasa Melayu antaranya, *Bayan al-Arkan* (penjelasan rukun-rukun), *Bidayah al-Balighah* (permulaan yang sempurna), *Majmu' al-Masa'il* (kumpulan masalah) dan *Fatihah Syeikh Abdul Rauf* (metode bacaan al-fatihah Syeikh Abdul Rauf), *Doa yang dianjurkan oleh Syeikh Abdul Rauf Kuala Aceh, Sakaratul Mau'i*⁵⁰ dan *Hidayah al-Balighah*.⁵¹

Dari pengamatan saya, asas intelektualisme penulisan *Mir'ah al-Tullab* menggunakan pendekatan penulisan berbentuk soal jawab. Dalam perkembangan penulisan karya fiqh Melayu klasik, pendekatan penulisan soal jawab ditulis pada abad ke-19 oleh Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani dalam karya *Furu' al-Masa'il*. Dari pembacaan yang dilakukan, tidak terdapat bentuk penulisan soal jawab pada abad ke-19 melainkan ditulis dalam karya *Furu' al-Masa'il* dan karya *Kashf al-Litham 'an As'ilah al-Anam*.⁵² Meskipun bentuk pendekatan yang ditulis hampir sama namun terdapat perbezaan dalam kandungan penulisan. Penyediaan format penulisan karya *Mir'ah al-Tullab* tidak lengkap meliputi *kitab*, *bab* dan *fasl* berbanding karya *Furu' al-Masa'il*. Kemunculan pendekatan penulisan soal jawab fiqh Melayu dipelopori oleh Syeikh Abdul Rauf al-Fansuri berkembang dan memberi kesan pengaruh kepada penulisan abad berikutnya.

Pendekatan penulisan berbentuk soal jawab ditulis semula pada abad ke-20 dengan kemunculan beberapa penulisan karya fiqh Melayu klasik antaranya, karya *Tadrib al-Banin wa al-Banat bi Umur*

⁴² Azyumardi Azra (1999), *Renaisans Islam Asia Tenggara Sejarah Wacana dan Kekuasaan*, Bandung: PT. Remaja Rosdakarya, h. 133.

⁴³ "Mir'ah al-Tullab," British Library (BL), London No kod Or. 16035 karya digital, diakses 25 Disember 2017, http://www.bl.uk/manuscripts/Viewer.aspx?ref=or_16035_f001r.

⁴⁴ "Mir'ah al-Tullab," Singapore Library, diakses 27 Disember 2017, <http://eresources.nlb.gov.sg/eresources.nlb.gov.sg/printheritage/detail/b5042e02-fd82-414383a0c83ee26f547f.aspx?s=Islam>.

⁴⁵ *Mir'ah al-Tullab fi Tashil Ma'rifah Ahkam al-Shari'ah li Mulk al-Wahhab*, Mekah: Matba'ah al-Miriyyah al-Ka'inah, 1892.

⁴⁶ Shahrul Hilmi Othman et al. (2019), "Aspek Muamalat dalam Kitab Mir'at al-Thullab Karya Shaykh Abdul Rauf Ali Al-Singkili," *Jurnal Ulwan*, Jil. 4, Bil. 1, h. 1-13.

⁴⁷ Shahrul et al. (2019), "Aspek Muamalat dalam Kitab Mir'at al-Thullab," h. 1-13.

⁴⁸ Harun Mat Piah et al. (2006), *Kesusasteraan Melayu Tradisional*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 446.

⁴⁹ Shahrul et al. (2019), "Aspek Muamalat dalam Kitab Mir'at al-Thullab," h. 1-13.

⁵⁰ Oman (1999), *Tanbih al-Mashi*, h. 28.

⁵¹ Erawadi (2011), *Tradisi, Wacana dan Dinamika Intelektual Islam*, h. 43.

⁵² Syeikh Zaynu al-'Abidin bin Muhammad al-Fatani (t.t.), *Kashf al-Litham 'an As'ilah al-Anam*, Juzuk 1, t.t.p: Maktabah wa Matba'ah Muhammad al-Bahri wa Awladuhu; Syeikh Zaynu al-'Abidin bin Muhamad al-Fatani (192), *Inilah Juzuk yang kedua daripada Kitab Kashf al-Litham 'an As'ilah al-Anam*, t.t.p: al-'Alamiyyah.

al-Din al-Wajibat 1933M mengupas persoalan fiqh kanak-kanak dalam bentuk soal jawab.⁵³ Selain itu, karya *Beberapa Mutiara yang Bagus lagi Indah* ditulis oleh Syeikh Abdul Qadir bin Abdul Mutualib Mandili mengupas persoalan hukum agama Islam dalam bentuk soal jawab. Kupasan perbincangan soal jawab bab *qada* solat mengikut pandangan mazhab dan jumhur ulama.⁵⁴ Begitu juga, karya *Siasat dan Loteri serta Alim Ulama* yang menjelaskan masalah hukum dalam bentuk soal jawab.⁵⁵ Bagi penulis, format dan teknik penulisan merupakan aspek penting dalam gaya penulisan. Pendekatan penulisan soal jawab yang berkesan dalam ilmu fiqh memudahkan proses pengajaran dan mempercepatkan kefahaman khalayak pembaca. Ini kerana, jawapan soalan secara spontan memudahkan pemahaman secara langsung dalam persoalan ilmu fiqh. Sehubungan dengan itu, pendekatan soal-jawab yang diperlakukan oleh Syeikh Abdul Rauf al-Fansuri dalam karya *Mir'ah al-Tullab* berjaya menarik minat dan perhatian pembaca pada zamannya. Pendekatan penulisan soal jawab merupakan pendekatan baharu dalam penulisan karya fiqh Melayu klasik.

Kesimpulan

Dari apa yang telah dinyatakan di atas, dapatlah disimpulkan bahawa para ulama Melayu telah terlibat secara aktif dalam penghasilan karya tulis dalam pelbagai bidang ilmu terutama bidang agama dan khususnya bidang fiqh. Keterlibatan para ulama dalam penulisan karya fiqh Melayu klasik menjana kepelbagaian bentuk, corak dan pendekatan penulisan. Paparan yang dibentangkan oleh fuqaha Melayu sebagai medium ilmu ibadat dan sosiologi hukum. Abad awal perkembangan bermula pada abad ke-17 meskipun kegiatan penulisan fiqh masih kabur dan ditulis secara ringkas dari hasil terjemahan. Seterusnya, abad ke-18 merupakan penyempurnaan atas usaha penulisan dan penterjemahan pada abad ke-17 yang mencatatkan pengemaskinian baharu tajuk dan subjek dilengkapi dengan catatan, catatan kaki, komentar dan terjemahan kata perkata.

Walaupun terdapat unjuran perkembangan penulisan karya fiqh Melayu yang berbeza mengikut tahun dan abad namun penulisannya makin jelas kedapatan dalam catatan selepas abad ke-17.⁵⁶ Boleh dikatakan bahawa abad ke-17 adalah anak tangga awal kepada perkembangan yang baik untuk abad selepasnya iaitu abad ke-18 dan 19. Abad ke-18 adalah proses kesempurnaan perkembangan penulisan karya fiqh Melayu klasik. Abad ini menyaksikan kemunculan tokoh-tokoh fuqaha Melayu.⁵⁷ Ia abad bermulanya kemunculan variasi tajuk dan subjek baharu penulisan fiqh Melayu klasik dicatatkan. Pembatasan tidak terhad kepada topik ibadat namun terdapat pengemaskinian subjek fiqh *al-qadi*, *mu'amalah* dan *fiqh al-mirath*. Kemunculan dan penciptaan subjek baharu penulisan merupakan perjuangan membangunkan ilmu pengetahuan yang terbit dari minda fuqaha Melayu untuk mengangkat kepentingan idealisme baharu penulisan fiqh. Di samping itu, sesuatu kajian perkembangan khususnya penulisan pasti membabitkan kepada pelbagai faktor. Antaranya, faktor sosio, politik dan ekonomi. Begitu juga, suasana kehidupan sosiopolitik-intelektual masyarakat Melayu yang rencam turut menyumbang kepada perkembangan pemikiran yang beragam.

Kemunculan penulisan karya fiqh Melayu sebagai khazanah warisan yang bernilai tinggi zaman-berzaman. Ia menarik minat orang Melayu bukan sahaja di bumi Melayu malah terdaapat juga bangsa lain yang mengkajinya. Ini membuktikan, kandungan dan tafsiran ilmiahnya mempunyai nilai ilmu yang tinggi bagi menjana pemikiran intelektual. Hasil penilaian, pengorbanan dan ketekunan fuqaha Melayu dapat menjelaskan persoalan ilmu fiqh kepada masyarakat. Mereka tidak semata-mata menterjemahkan dan menyadur sahaja bahkan menyisipkan unsur fiqh tempatan dalam sejumlah kandungan penulisan seawal abad ke-17 lagi. Namun pendekatan kearifan kadangkala dilihat tersirat dalam perbincangan klasik yang statik dan rencam. Ia perlu dirungkai dan dihurst dengan kontemplasi. Secara objektif, saya berpendapat penulisan karya fiqh Melayu klasik ditulis dalam bentuk umum tanpa ada huriahan khusus kepada perbincangan hukum. Sebaliknya, penekanan penulisan perlu memfokuskan

⁵³ Ismail bin Ahmad bin Muhammad Zain (1981), *Tadrib al-Banin wa al-Banat bi Umur al-Din al-Wajibat*, Patani: Patani Press.

⁵⁴ Syeikh Abdul Qadir bin Abdul Mutualib Mandili (1960), *Beberapa Mutiara yang bagus lagi Indah*, Mesir: Matba'ah al-Anwar.

⁵⁵ Syeikh Abdul Qadir bin Abdul Mutualib Mandili (1962), *Siasat dan Loteri serta Alim Ulama*, Mesir: Matba'ah al-Anwar.

⁵⁶ Mohd Puaad Abdul Malik, Faisal @ Ahmad Faisal Abdul Hamid dan Rahimin Affandi Abd. Rahim (2020), “Analisa Perkembangan dan Kearifan Tempatan: Karya Fiqh Melayu Klasik,” *Jurnal Fiqh*, Jil. 17, Bil. 1, h. 89-134.

⁵⁷ Keunggulan persuratan Melayu menghasilkan puluhan kitab dan karya agung yang ditulis oleh cendekiawan Melayu seperti karya Hamzah Fansuri, Wan Mohd. Shaghir (1996), *Tafsir Puisi Hamzah Fansuri*, Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah, h. 7; Wan Mohd. Shaghir (1999), *Penyebaran Islam dan Silsilah Ulama Sejagat Dunia Melayu*, Kuala Lumpur: Persatuan Pengkaji Khazanah Klasik Nusantara dan Khazanah Fathaniyah, h. 45-46; Syahrizal Abbas (2008), *Corak Pemikiran Hukum Islam Syeikh Abdurrauf As-Singkili: Studi terhadap Kitab Mir'ah al-Tullab hakim perempuan*, Banda Aceh: Yayasan Pena, h. 28.

Penulisan Karya Melayu Islam Klasik Abad Ke-17: Perbincangan Karya-Karya Terpilih plot dan skop bab perbincangan dengan lebih mendalam. Begitu juga, kandungan penulisannya hampir seolah-olah penulisan fiqh Arab klasik Mazhab Syafie.

Rujukan

‘Aqidah al-’Awam MSS 2809, Pusat Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia Kuala Lumpur.

“*Mir’ah al-Tullab*,” British Library (BL), London No kod Or. 16035 karya digital, diakses 25 Disember 2017, http://www.bl.uk/manuscripts/Viewer.aspx?ref=or_16035_f001r.

“*Mir’ah al-Tullab*,” Singapore Library, diakses 27 Disember 2017, Mir’ahalThullabdihttp://eresources.nlb.gov.sghttp://eresources.nlb.gov.sg/printheritage/detail/b5042e02-fd82-414383a0c83ee26f547f.aspx?s= Islam.

A. Samad Ahmad (1996), *Sulalatus Salatin-Sejarah Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Abdul Hadi W. M. (2006), “Islam di Indonesia dan Transformasi Budaya” dalam Komaruddin Hidayat dan Ahmad Gaus A. F. (ed.), *Menjadi Indonesia: 13 Abad Eksistensi Islam di Bumi Alam Melayu*, Jakarta: Mizan.

Abdullah Ishak (1992), *Islam di Nusantara Khususnya di Tanah Melayu*, Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri.

Ahmad Rizal Khadapi (2017), “Tinjauan Atas Kitab al-Sirat Al-Mustaqim Karangan Syaikh Nur al-Din al-Raniri,” Disertasi Sarjana, Fakulti Ilmu Agama Islam, Universiti Islam Indonesia, Yogyakarta.

Ajidar Matsyah (2013), “Jaringan Ulama-Ulama Melayu dalam Manuskrip,” Makalah, Seminar Serantau Kajian Manuskrip Melayu dan Kearifan Tempatan, Banda Aceh.

Ali Mohammad (2009), “Peranan Ulama dalam Memartabatkan Tamadun Islam di Alam Melayu: Tumpuan Terhadap Abdul Rauf Singkel,” *Jurnal Al-Tamaddun*, Jil. 4.

Ali Rosdin (2015), “Buton dan Tradisi Pernaskahan,” *International Journal of the Malay World and Civilisation (Iman)*, Jil. 3, Bil. 1.

Azumardi Azra (1995), *Jaringan Ulama Timur Tengah dan Kepulauan Nusantara abad XVII dan XVIII*, Bandung: Penerbit Mizan.

Azyumardi Azra (1999), *Pendidikan Islam: Tradisi dan Modernisasi Menuju Milenium Baharu*, Jakarta: Logos Wacana Ilmu.

Azyumardi Azra (1999), *Renaissance Islam Asia Tenggara Sejarah Wacana dan Kekuasaan*, Bandung: PT. Remaja Rosdakarya.

Basrowi Sukidin (2002), *Metode Penelitian Kualitatif Persepktif Mikro*, Surabaya: Insan Cendakia.

Bidayah al-Hidayah MSS 566, Pusat Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia Kuala Lumpur.

Che Siah Che Man (2005), “Manuskrip MS 469: Kitab Sirat al-Mustaqim, Kitab Ilmu Fiqah Pertama dalam Bahasa Jawi (Melayu),” *Jurnal Filologi Melayu*.

Erawadi (2011), *Tradisi, Wacana dan Dinamika Intelektual Islam Aceh Abad XVIII dan XIX*, Jakarta: Kementerian Agama RI, Badan Litbang dan Diklat Puslitbang Lektur Keagamaan.

Fauzi bin Deraman dan Norhasnira bt Ibrahim (2009), “Metodologi Tuan Tabal dalam Kitab Minhah al-Qarib,” *Jurnal Jaheai*, Jil. 2.

Harun Mat Piah et al. (2006), *Kesusasteraan Melayu Tradisional*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Hidayah as-Salikin MS 464, Pusat Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia Kuala Lumpur.

Ismail bin Ahmad bin Muhammad Zain (1981), *Tadrib al-Banin wa al-Banat bi Umur al-Din al-Wajibat*, Patani: Patani Press.

Jamalluddin Hashim (2011), “Kitab al-Sirat Al-Mustaqim karangan Shaykh Nur Al-Din Al-Raniri (Kitab Al-Taharah dan Al-Salah): Teks dan Analisis,” Tesis Kedoktoran, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.

Jamalluddin Hashim (2014), Abdul Karim Ali dan Hasanulddin Mohd, “Analisis Pengaruh Unsur Fiqh Tempatan dalam Kitab al-Sirat al-Mustaqim Karya Shaykh Nur Al-Din Al-Raniri,” *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, Jil. 1.

Johns, A. H. (1961), “Sufism as a Category in Indonesian Literature and History,” *Journal of Southeast Asian History*, Jil. 2, Bil. 2.

Johns, A. H. (1961) “The Role of Sufism in the Spread of Islam in the Malaya and Indonesia,” *Journal of the Pakistan Historical Society*, Jil. 9.

Karya *Dur al-Manzum; Siraj al-Huda ila Bayan ‘Aqa’id Ahl at-Taqwa* MSS 749, Pusat Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia Kuala Lumpur.

Lexy J. Moleong (1993), *Metodologi Penelitian Kualitatif*, Bandung: Karya Cv.

Mahdalena Nasrun (2012), “Fikih Melayu Alam Melayu Era Pra Kolonial,” *Jurnal Ijtihad: Jurnal Wacana Hukum Islam dan Kemanusiaan*, Jil. 12.

Marzuki Abu Bakar (2016), “Kitab Jawi dan Kontribusinya dalam Kajian Islam di Kepulauan Alam Melayu,” Makalah, Proceedings ARICIS-Ar-Raniry International Conference on Islamic Studies, Bil. 1.

Marzuki (2017), “Tarekat Qadiriyyah Naqsyabandiyyah Suryalaya: Penyebaran dan Pengaruhnya di Aceh,” *NIZHAM Journal of Islamic Studies*, Jil. 1.

Mir’ah al-Tullab fi Tashil Ma’rifah Ahkam al-Shari’ah li Mulk al-Wahhab MSS 1532, Pusat Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia Kuala Lumpur.

Mir’ah al-Tullab fi Tashil Ma’rifah Ahkam al-Shari’ah li Mulk al-Wahhab, Mekah: Matba’ah al-Miriyyah al-Ka’inah, 1892.

Mohd Puaad Abdul Malik, Faisal @ Ahmad Faisal Abdul Hamid dan Rahimin Affandi Abd. Rahim (2020), “Analisa Perkembangan dan Kearifan Tempatan: Karya Fiqh Melayu Klasik,” *Jurnal Fiqh*, Jil. 17, Bil. 1.

Mohd Puaad Abdul Malik, Faisal@Ahmad Faisal Abdul Hamid dan Rahimin Affandi Abd. Rahim (2018), “Analisis Penulisan Karya Fiqh Melayu 1600-1800,” *Journal al-Muqaddimah*, Jil. 6, Bil. 2.

Muhammad Abu Bakar (1993), “Pendirian dan Pembangunan: Islamisasi dan Isu-Isu Semasa dengan Rujukan kepada Tugas Generasi Ulul Albab dalam Abad Ke-21,” dalam *Islam dan Masyarakat Maju* (Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia).

Muhammad Mustaqim Mohd Zarif (2012), “MSS2761B (Hadith Arba’in): Analisis dan Transliterasi Sebuah Teks Hadis Abad Ke-17 Masihi,” *Jurnal Filologi Melayu*, Jil. 19.

Mursyid (2011), “Corak Fiqh di Aceh Pada Masa Kerajaan (Kajian Atas Naskah al-Hadi al-Muhtaj fi Sharh al-Minhaj Karya Imam Abi Qasim Imamuddin Abdul Karim ar-Rafi’e),” *al-Qalam*, Jil. 17, Bil. 1.

Najahudin Lateh et al. (2013), “Tematic Emas dalam Karya Fiqh Ulama Alam Melayu: Tinjauan Terhadap Kitab al-Sirat al-Mustaqim, Furuk al-Masail dan Bahr al-Madhi,” Makalah, Seminar Serantau Kajian Manuskip Melayu dan Kearifan Tempatan.

Oman Fathurahman (2004), “Jaringan Ulama: Pembaharuan dan Rekonsiliasi dalam Tradisi Intelektual Islam di Dunia Melayu-Indonesia,” *STUDIA ISLAMIKA Journal for Islamic Studies*, Jil. 11, Bil. 2.

Oman Fathurrahman (1999), *Tanbih al-Mashi Menyoal Wihdatul Wujud Kasus Abdurrauf Singkel di Aceh Abad 17*, Bandung; Mizan.

Rahim Abdullah (1983), “Pelajaran Pondok di Kelantan” dalam Khoo Kay Kim (ed.), *Beberapa Aspek Warisan Kelantan II*, Kota Bharu: Perbadanan Muzium Negeri.

Rahimin Affandi Abd. Rahim, Siti Maimunah Kahal dan Muhammad Yusri Yusof (2016), “Fiqh Versi Alam Melayu: Satu Analisis Sejarah,” *Jurnal Fiqh*, Jil. 13.

Sayr as-Salikin MSS 324, Pusat Manuskip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia Kuala Lumpur.

Shafie Abu Bakar (1997), *Tokoh-Tokoh Penulis Islam Alam Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Shah Rul Anuar Nordin (2014), “Impak Dakwah Kitab Taj al-Salatin kepada Masyarakat Melayu di Aceh,” Makalah, Seminar Antarabangsa Dakwah dan Etnik, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Shahrul Hilmi Othman et al. (2019), “Aspek Muamalat dalam Kitab Mir’at al-Thullab Karya Shaykh Abdul Rauf Ali Al-Singkili,” *Jurnal Utwan*, Jil. 4, Bil. 1.

Sifa Sasmanda (2018), “Sejarah Perkembangan dan Pemikiran Tasawuf di Aceh pada Abad ke-16M,” *KALPATARU Jurnal Sejarah dan Pembelajaran Sejarah*, Jil. 2.

Sirat al-Mustaqim MSS 144, Pusat Manuskip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia Kuala Lumpur.

Syahrizal Abbas (2008), *Corak Pemikiran Hukum Islam Syeikh Abdurrauf As-Singkili; Studi terhadap Kitab Mir’ah al-Tullab hakim perempuan*, Banda Aceh: Yayasan Pena.

Syed Muhammad Naquib al-Attas (1988), *The Oldest Known Malay Manuscript: A 16th Century Malay Translation of the al-'Aqa'id of al-Nasafi*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Syeikh Abdul Qadir bin Abdul Mutualib Mandili (1960), *Beberapa Mutiara yang bagus lagi Indah*, Mesir: Matba’ah al-Anwar.

Syeikh Abdul Qadir bin Abdul Mutualib Mandili (1962), *Siasat dan Loteri serta Alim Ulama*, Mesir: Matba’ah al-Anwar.

Syeikh Zaynu al-'Abidin bin Muhammad al-Fatani (t.t.), *Kashf al-Litham 'an As' ilah al-Anam*, juzuk 1, t.tp.:Maktabah wa Matba’ah Muhammad al-Bahri wa Awladuhu.

Syeikh Zaynu al-'Abidin bin Muhammad al-Fatani, *Inilah Juzuk yang kedua daripada Kitab Kashf al-Litham 'an As' ilah al-Anam* (al-'Alamiyyah, 1926, t.tp).

Tuhfah al-Raghibin fi Bayan Haqiqah Iman al-Mu'min, cet. akhir (1939), Mesir: Maktabah Mustafa al-Babi al-Halabi wa Awladuhu.

Tuhfah al-Raghibin MS 5, Pusat Manuskip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia Kuala Lumpur.

Journal of Al-Tamaddun, Vol. 17 (2), 2022, 181-192

Wan Mohd. Shaghir (1999), *Penyebaran Islam dan Silsilah Ulama Sejagat Dunia Melayu*, Kuala Lumpur: Persatuan Pengkaji Khazanah Klasik Nusantara dan Khazanah Fathaniyah.

Wan Mohd. Shaghir (1996), *Tafsir Puisi Hamzah Fansuri*, Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah.

Zulkifli Mohd Yusoff dan Wan Nasyrudin Wan Abdullah (2005), “Tarjuman al-Mustafid: Satu Analisis Terhadap Karya Terjemahan,” *Jurnal Pengajian Melayu*, Jil. 16.